

# Avisena tawar pelajar UniKL latihan industri

**Shah Alam:** Avisena Healthcare Sdn Bhd (Avisena Healthcare) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menawarkan peluang penempatan pelajar menjalani latihan industri termasuk penyediaan pekerjaan kepada graduan universiti berkenaan.

Timbalan Pengerusi Avisena Healthcare Datuk Dr Omar Abd Hamid berkata, menerusi kerjasama itu, kedua-dua organisasi akan dapat membangunkan perniagaan teras masing-masing selain melahirkan pelajar yang berkemahiran.

“Avisena kini dalam proses pengembangan perniagaan termasuk rancangan untuk menambah kapasiti katil daripada 250 ke 900

katil menjelang 2030, jadi kami memerlukan lebih ramai tenaga kerja profesional terutama dalam bidang kejururawatan.

“Avisena Healthcare memiliki Hospital Pakar Avisena serta Hospital Pakar Wanita dan Kanak-kanak Avisena yang terletak di Shah Alam.

“Menerusi kerjasama ini, Avisena akan menerima tenaga kerja dalam bidang kejururawatan, farmasi, fisioterapi dan pengimejan perubahan yang berkualiti dari UniKL Royal College of Medicine Perak (RCMP).

“Manakala UniKL RCMP pula akan dapat memastikan graduan mereka mendapat pekerjaan selain pelajarannya boleh menggunakan Avisena sebagai tempat latihan,” katanya ketika berucap pada majlis menandatangani MoU itu di sini.



PRINTED AND DISTRIBUTED BY PRESSREADER  
PressReader.com +1 604 278 4604  
ORIGINAL COPY - ORIGINAL COPY - ORIGINAL COPY - ORIGINAL COPY - ORIGINAL COPY - ORIGINAL COPY  
COPYRIGHT AND PROTECTED BY APPLICABLE LAW